

26/10/2001

ASN3 tawar peluang terbaik kepada pelabur

Saidon Idris

SAHAM amanah terbaru yang dilancarkan Permodalan Nasional Bhd (PNB) minggu lalu menawarkan peluang yang terbaik kepada pelabur menikmati peningkatan modal yang besar apabila pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kembali meningkat.

Ketua Eksekutif PNB Datuk Hamad Kama Piah Che Othman, berkata ini kerana saham amanah itu dilancarkan ketika harga saham di BSKL masih rendah.

Beliau berkata, oleh kerana dana yang dikumpulkan daripada ASN3 akan digunakan bagi membeli saham yang ketika ini rata-ratanya masih lagi rendah, harga saham amanah itu sudah tentunya akan meningkat apabila BSKL kembali meningkat ke paras potensinya.

"Sekarang ini indeks (Komposit di BSKL) adalah sekitar 600 mata. Dengan dana RM1 bilion yang bakal dikumpulkan daripada ASN3 itu, ia akan dilaburkan dalam saham pada harga semasa yang kini adalah rendah.

Bagaimanapun jika beli saham amanah yang sedia ada harga belian adalah pada harga sebelum BSKL merudum.

"Oleh yang demikian walaupun nilai saham amanah sedia ada akan turut meningkat apabila BSKL kembali meningkat, tetapi peningkatan dalam nilai saham amanah yang dilancarkan ketika harga rendah (ASN3) adalah jauh melebihi saham amanah sedia ada," katanya ketika ditanya kelebihan melabur dalam ASN3 yang dilancarkan ketika suasana pasaran saham semasa masih lembap.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Seminar Peranan Pengarah dan Pengurusan Korporat serta Pemikiran Strategik Bagi Ekonomi Baru di Kuala Lumpur semalam.

Seminar itu adalah anjuran bersama PNB dan Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Minggu lalu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan ASN3 iaitu saham amanah kelapan PNB dengan saiz dana satu bilion unit.

ASN3 adalah terbuka kepada semua masyarakat termasuk bukan bumiputera berumur melebihi 18 tahun dengan langganan minimum permulaan 100 unit.

Saham amanah terbaru PNB itu adalah berdasarkan kepada harga berubah, tetapi sehingga 5 November ini, ia ditawarkan pada harga RM1 seunit.

Berbanding dengan saham amanah lain yang diuruskan PNB sebelum ini, ASN3 dikategorikan sebagai dana seimbang kerana selain pelaburan dalam saham, sebahagian dananya akan turut dilabur dalam instrumen kewangan seperti bon.

Ia bertujuan memberikan pelabur pendapatan yang lebih stabil. Ini kerana pasaran saham dan pasaran instrumen kewangan bergerak secara bertentangan.

Ketika pasaran saham meningkat, pasaran kewangan akan merosot dan di sebaliknya. Oleh yang demikian saham amanah seimbang mampu memberikan pulangan yang baik pada setiap keadaan pasaran.

Mengenai sambutan pelabur terhadap ASN3 setakat ini, Hamad Kama Piah berkata, beliau belum mempunyai angka sebenar jualan.

Tetapi katanya, PNB menjangkakan pelabur akan membeli di saat akhir tempoh tawaran permulaan yang akan tamat pada 5 November.

Sementara itu, Hamad Kama Piah berkata PNB juga sentiasa memberi penekanan kepada amalan urus tadbir korporat terbaik di kalangan syarikat pelaburannya bagi memastikan semua dana yang diuruskannya mencatat prestasi terbaik.

Beliau berkata, berikutan itu PNB kini secara berterusan memberi pendidikan dan pendedahan kepada pengarah nomininya bagi membolehkan

mereka menjadi "pengawas" dalam amalan urus tadbir korporat dalam syarikat pelaburannya.

"Pelabur kini lebih bersedia melabur dalam syarikat yang mempunyai amalan urus tadbir korporat terbaik. Oleh itu harga saham syarikat itu sudah tentunya akan meningkat dan ini sudah tentunya akan meningkatkan nilai dana saham amamah yang diuruskan PNB," katanya.

Beliau berkata, setakat ini PNB berpuas hati dengan tahap urus tadbir korporat di kalangan syarikat pelaburannya.

"Tetapi kami sentiasa mahu ia dipertingkatkan lagi kerana ia bukanlah sesuatu yang statik. Kami sentiasa mahu yang terbaik," katanya.

(END)